

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
TIADA BERITA BERKAITAN			



TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Empangan TNB sedia hadapi bencana banjir</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 1
2.	<u>Tiga sekolah di Kuala Selangor ditutup 3 hari</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 2



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
3.	<u>Robots may travel for you</u>	The Sun Daily	Rujuk Lampiran 3
4.	<u>Ratusan koala dikhuatiri mati terbakar</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 4



LAMPIRAN 1
SINAR HARIAN (TEMPATAN): MUKA SURAT 19
TARIKH: 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

Empangan TNB sedia hadapi bencana banjir

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah membuat persiapan awal di semua stesen hidroelektriknya pada musim tengkujuh ini selaras dengan fungsi kedua empangan berkenaan sebagai tebatan banjir.

Ketua Pegawai Penjanaan TNB, Ir Roslan Abd Rahman dalam satu kenyataan semalam berkata, empangan TNB mempunyai kapasiti menakung air di

kawasan hulu sungai yang dapat mengelak bencana lebih besar di kawasan hiliran setiap kali musim tengkujuh.

“Persediaan dilakukan bersama pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan bagi memastikan proses pelepasan air secara terkawal di beberapa empangan hidroelektrik berdasarkan prosedur operasi standard (SOP),” katanya.



LAMPIRAN 2
SINAR HARIAN (TEMPATAN): MUKA SURAT 29
TARIKH: 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

Tiga sekolah di Kuala Selangor ditutup 3 hari

KUALA SELANGOR - Tiga sekolah di Kuala Selangor ditutup tiga hari bermula semalam berikutan bangunan sekolah dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS) mangsa banjir.

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dalam satu kenyataan berkata, sekolah tersebut adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang, SK Ijok dan SK Pasangan.

"Penutupan sekolah itu bermula hari ini (semalam) sehingga Jumaat ini

sebagai maklum balas daripada arahan Pengurus Jawatankuasa Bencana Daerah Kuala Selangor untuk kegunaan PPS," kata kenyataan itu.

Terdahulu beberapa PPS dibuka akibat banjir di Kuala Selangor sejak 25 Oktober lalu.

Jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di PPS mencatatkan peningkatan apabila seramai 873 mangsa daripada 282 keluarga dipindahkan petang semalam.

LAMPIRAN 3
THE SUN (FEATURE): MUKA SURAT 20
TARIKH: 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)



Robots may travel for you

JAPANESE airline ANA Holdings recently announced that it is developing a telepresence robot that could travel in place of those who are unable.

For those who are unable to travel due to age or disability, ANA Holdings is developing a telepresence robot which functions as a physical avatar that can travel on behalf of an individual.

Though this service has the potential to work with various types of bots, it has been undergoing testing with an original robot called 'newme'.

This avatar is equipped with a full HD, 2K display which works as the traveller's face. Users will be able to interact with the robot's surroundings in high resolution.

Optional and customisable

body accessories would help users tailor their avatar's abilities to their travel desires.

According to the company, robotic avatars have the potential to "open up new possibilities and help reshape everything from business and education to healthcare and entertainment." The company even suggests that such a device could potentially help people find employment.

To offer a range of experiences, ANA Holdings has plans to collaborate and partner with companies and governments worldwide to make an international network for the newmes.

ANA Holdings' avatar programme will launch in April 2020, with 1,000 being deployed by the summer. - AFP-Relaxnews

LAMPIRAN 4
SINAR HARIAN (WORLD): MUKA SURAT 44
TARIKH: 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

Ratusan koala dikhuatiri mati terbakar

SYDNEY - Ratusan koala dikhuatiri mati terbakar susulan kebakaran hutan di Australia, kata pihak berkuasa hidupan liar.

Kebakaran yang dipercayai berpunca akibat panahan petir Sabtu lalu di utara Sydney itu telah memusnahkan kawasan seluas lebih 2,000 hektar.

Pihak penyelamat hidupan liar di New South Wales bimbang kebakaran tersebut akan membunuh populasi koala spesies jarang ditemui yang terdapat di lokasi terbakit.

"Ia merupakan satu tragedi kerana populasi koala terbabit amat unik," kata Sue Ashton, Presiden Hospital Koala Port



Ratusan koala dikhuatiri mati terbakar susulan kebakaran hutan di Australia.

Macquarie kepada AFP.

Menurut Ashton, sukarelawan hidupan liar akan menyertai pasukan

bomba dalam operasi mencari koala yang terselamat di kawasan terbakit.- AFP